

MINIT
MESYUARAT PANEL PERUNDINGAN KASTAM-SWASTA
BIL.1/2013

Kementerian : Kementerian Kewangan

Jabatan : Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Tarikh : 10 Jun 2013 (Isnin)

Masa : 9.30 pagi

Tempat : Dewan Persidangan Sri Rampai,
Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Aras 3 Selatan, No 3, Persiaran Perdana
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, 62592 Putrajaya

Pengerusi : YBhg. Dato'Sri Khazali bin Haji Ahmad
Ketua Pengarah Kastam Malaysia

Pengerusi Bersama : Encik S. Raja Kumaran
Chairman
Focus Group Trade Facilitation (MICCI)

Kehadiran : Seperti di **Lampiran I**

1. UCAPAN PENGERUSI

- 1.1 YBhg. Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad selaku Pengerusi Mesyuarat mengucapkan terima kasih dan mengalu-alukan kedatangan semua ahli mesyuarat terutamanya wakil dari pihak swasta dan wakil Kementerian Kewangan .
- 1.2 Dato' Sri Pengerusi merakamkan penghargaan terhadap sumbangan dan jasa Allahyarham Dato' Haji Shaharuddin bin Ibrahim , Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Perkastaman / Cukai Dalam Negeri) dalam menyelesaikan isu-isu perkastaman antara pihak Kastam dan swasta.
- 1.3 Dato' Sri Pengerusi juga menyifatkan pemergian Allahyarham merupakan suatu kehilangan besar kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan negara. Beliau turut mengutuk sekeras-kerasnya tragedi pembunuhan tersebut dan menganggapnya suatu tindakan pengecut oleh pembunuh.
- 1.4 Dato' Sri Pengerusi memaklumkan ahli mesyuarat bahawa sebanyak 18 usul akan dibincangkan pada mesyuarat ini dimana 8 usul merupakan perkara berbangkit dari mesyuarat lepas dan 10 usul sebagai usul baru.

UNTUK MAKLUMAN

- 1.5 Dato' Sri Pengerusi meminta pihak Jabatan bertindak cepat dalam menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak swasta.
- 1.6 Dato' Sri Pengerusi yakin kejayaan Jabatan Kastam dalam menyelesaikan masalah pihak swasta dengan cepat akan memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi negara, menambahkan pendapatan rakyat dan kekayaan nasional.
- 1.7 Dato'Sri Pengerusi turut memaklumkan Jabatan Kastam sedang berhadapan dengan dua cabaran besar iaitu projek myGset dan projek *uCustoms*. Projek pembangunan myGset berjaya dilaksanakan lebih awal daripada tempoh masa yang ditetapkan. Pembangunan projek sistem uCustoms berjalan mengikut jadual yang ditetapkan.
- 1.8 Dato' Sri menekankan bahawa melalui *uCustoms* operasi perkastaman akan berlaku secara elektronik dengan ciri-ciri *single gateway, multiple channel, single sign-on, end to end solution* dengan menggunakan *public key infrastructure*.
- 1.9 Dato' Sri Pengerusi berharap pihak swasta menggunakan Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta sebagai platform yang baik untuk menyelesaikan sebarang masalah di kedua-dua pihak secara berpasukan.

UNTUK MAKLUMAN

1.10 Dato' Sri Pengerusi memaklumkan Jabatan sentiasa berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan dan setiap usul yang diterima dari pihak swasta akan menjadi petunjuk kepada Jabatan Kastam bagi menilai semula kualiti perkhidmatan yang diberi kepada rakyat khasnya pihak swasta.

UNTUK MAKLUMAN

2. UCAPAN PENGERUSI BERSAMA

- 2.1 Pengerusi Bersama, Encik S. Raja Kumaran mengucapkan takziah kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia atas kematian Allahyarham Dato' Haji Shaharuddin bin Ibrahim.**
- 2.2 Encik S. Raja Kumaran memohon warga JKDM supaya meneruskan usaha-usaha Jabatan bagi mencapai perkhidmatan Kastam bertaraf dunia pada tahun 2015.**
- 2.3 Beliau meminta Jabatan melaksanakan undang-undang Jabatan Kastam dengan tegas dan adil agar dapat memberi fasilitasi perdagangan yang unggul kepada sektor perindustrian dan perniagaan.**
- 2.4 Encik S. Raja Kumaran mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kastam untuk melibatkan pihak swasta dalam projek pembangunan uCustoms.**

2.5 Encik S. Raja Kumaran memaklumkan komuniti perniagaan akan sentiasa memberi sokongan penuh dalam setiap usaha Jabatan Kastam bagi mencapai kepentingan bersama.

UNTUK MAKLUMAN

3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Mesyuarat sebulat suara bersetuju dan mengesahkan minit Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta Bilangan 2/2012 yang telah diadakan pada 12 Oktober 2012 (Jumaat) tanpa pindaan dan mengambil maklum perkara-perkara berbangkit dari mesyuarat lepas.

UNTUK MAKLUMAN

**4. MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERBANGKIT
MESYUARAT PANEL PERUNDINGAN KASTAM-SWASTA
BIL.1/2013**

4.1 SERVICE LEVEL AGREEMENT (SLA)

Mesyuarat mengambil maklum:

- a. Pindaan Piagam Pelanggan yang telah dibuat oleh JKDM berhubung tempoh masa pelepasan dagangan import dan eksport tidak dipersetujui pihak swasta.

- b. Bahagian Perkastaman Ibu pejabat diminta membuat kajian semula bersama-sama pihak swasta dan memaklumkan hasil kajian kepada ahli mesyuarat sebelum Mesyuarat Panel Perunding Kastam-Swasta Bil. 2/2013.

TINDAKAN: PENGARAH BAHAGIAN PERKASTAMAN

- c. Bahagian Perancangan Korporat akan mengumpul maklumbalas dari negeri-negeri yang terlibat dengan kajian masa yang diambil untuk memproses pendaftaran jaminan bank dan pemulangan balik jaminan bank bermula bulan April 2013. Tempoh masa ini akan dicadangkan sebagai standard Piagam Pelanggan yang baru.

TINDAKAN : PENGARAH BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT

4.2 VOLUNTARY DISCLOSURE OF NON COMPLIANCE ON CUSTOMS RELATED MATTERS

Mesyuarat mengambil maklum bahawa Kementerian Kewangan tidak akan meminda peruntukan undang-undang Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan berkaitan kes *voluntary disclosure*. Rayuan membabitkan kes *voluntary disclosure* akan diberikan keutamaan dan akan dipertimbangkan mengikut *merit of case*.

TINDAKAN : UNTUK MAKLUMAN

4.3 SELF CERTIFICATION REGIME-PROPOSAL TO IMPOSE STRICTER PENALTIES AGAINST FRAUDULENT DECLARATIONS

Mesyuarat mengambil maklum bahawa pindaan undang-undang berkaitan usul berkenaan sedang dilaksanakan oleh JKDM.

TINDAKAN : PENGARAH BAHAGIAN PERUNDANGAN & BAHAGIAN PERKASTAMAN

4.4 SALES TAX CJ5

Mesyuarat mengambil maklum kelulusan CJ5 untuk tempoh satu tahun dikekalkan oleh JKDM.

TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN

4.5 VALUATION FOR EXCISE DUTIES

- a. Mesyuarat mengambil maklum bahawa tindakan berkaitan usul ini berada di peringkat akhir oleh Kementerian Kewangan dan JKDM.

- b. Mesyuarat bersetuju usul ini diberikan keutamaan untuk diselesaikan secepat mungkin.

TINDAKAN : KEMENTERIAN KEWANGAN, BAHAGIAN PERKHIDMATAN TEKNIK, & BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI

4.6 CUSTOMS LICENSE -THE PRESENT VALIDITY PERIOD IS 2 YEARS

- a. Mesyuarat mengambil maklum bahawa JKDM sedang membuat kajian berhubung dengan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh agen perkапalan bagi membolehkan Lesen Agen dikeluarkan 5 tahun sekali atau selagi agen berkenaan tidak melanggar peraturan-peraturan Kastam.
- b. Mesyuarat bersetuju Bahagian Perkastaman memberikan maklumbalas kepada pihak SAM berkaitan perkembangan usul ini dalam tempoh satu bulan dengan menyemak semula peruntukan yang berkaitan dalam Perintah Tetap Kastam Bil. 42 dan Bil. 45.

TINDAKAN : PENGARAH BAHAGIAN PERKASTAMAN

4.7 ADVANCE MANIFEST DECLARATION

Mesyuarat mengambil maklum pihak Jawatankuasa Pindaan Undang-Undang JKDM sedang menyiapkan hasil kajian untuk dikemukakan kepada pihak Perbendaharaan.

TINDAKAN : PENGARAH BAHAGIAN PERUNDANGAN & BAHAGIAN PERKASTAMAN

4.8 RECOGNIZING PENANG EXPORT DECLARATION DEMINIMIS FOR BOTH K2 & K8

Mesyuarat mengambil maklum bahawa cadangan *deminimis value* untuk eksport telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan.

**TINDAKAN : PENGARAH BAHAGIAN PERKASTAMAN &
KEMENTERIAN KEWANGAN**

5. MEMBINCANGKAN USUL-USUL BARU MESYUARAT PANEL PERUNDINGAN KASTAM-SWASTA BIL.1/2013

5.1 PRACTICE OF STANDARD PROCEDURES BY CUSTOMS OFFICERS

- a. Mesyuarat mengambil maklum usul yang dikemukakan oleh ACCCIM bahawa:
 - i. Prosedur kerja yang diamalkan oleh pegawai Kastam di setiap Stesen Kastam berbeza antara satu sama lain dan tidak konsisten.
 - ii. ACCCIM mencadangkan semua prosedur dan keperluan yang perlu dipatuhi oleh komuniti perniagaan dimaklumkan oleh JKDM secara telus.

- iii. ACCCIM mencadangkan JKDM menyediakan seorang pegawai yang khas untuk menjawab semua pertanyaan berkaitan semua peraturan Kastam.

- b. Mesyuarat mengambil maklum penjelasan JKDM bahawa arahan kepada semua pegawai JKDM telah dikeluarkan melalui Perintah Tetap, Surat Pekeliling dan Piagam Pelanggan untuk memastikan prosedur kerja dilaksanakan secara seragam.

UNTUK MAKLUMAN

- c. Mesyuarat membuat keputusan:
 - i. Semua syarat yang perlu dipatuhi dan format borang yang patut digunakan oleh pelanggan bagi satu-satu urusan dengan JKDM di seluruh Negara hendaklah diseragamkan dan dimuat-naik ke dalam Laman Web JKDM.
 - ii. *Standard Operating Procedure (SOP)* akan disediakan kepada pegawai supaya tindakan dan proses kerja yang sama dapat dilaksanakan di semua stesen.

- iii. JKDM akan memaklumkan perkara berkaitan usul ini di Mesyuarat Pengarah-Pengarah Kastam Kali Ke-72 yang bakal diadakan tidak lama lagi.

TINDAKAN : BAHAGIAN PERKASTAMAN, BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI & CAWANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

5.2 R.F.I.D USAGE IN THE BONDED MOVEMENT OF GOODS

- a. Mesyuarat mengambil maklum usul yang dikemukakan oleh ACCCIM bahawa:
 - i. Penggunaan RFID dalam *bonded movement of goods* menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat perniagaan.
 - ii. Teknologi RFID perlu dipastikan selaras dengan sistem SMK supaya memudahkan urusan semua pihak.
- b. Mesyuarat ersetuju dengan cadangan ACCCIM dan JKDM akan mengambilkira keperluan tersebut dalam pembangunan sistem uCustoms kelak.

TINDAKAN : UNTUK MAKLUMAN

5.3 INTERNATIONAL COMMERCIAL TERMS-INCOTERMS 2010

- a. Mesyuarat mengambil maklum usul yang dikemukakan oleh ACCCIM bahawa:
 - i. Proses kerja yang tidak seragam berlaku dalam JKDM yang mana terdapat Agen Kastam yang dilantik oleh pembeli atau penjual dari luar negara tidak dibenarkan membuat pengikraran Kastam.
 - ii. FMFF mencadangkan JKDM membenarkan agen-agen yang dilantik di bawah INCOTERMS menjalankan urusan pengikraran Kastam di semua Stesen Kastam.
- b. Mesyuarat bersetuju JKDM akan mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak Agen Kastam berkenaan usul ini.

TINDAKAN : PENGARAH BAHAGIAN PERKASTAMAN

5.4 ONE STOP CENTRE FOR ALL CUSTOMS' DECLARATIONS IN PORT KLANG

- a. Mesyuarat mengambil maklum usul yang dikemukakan oleh FMFF bahawa:
 - i. Proses pengikraran dagangan yang berbeza antara pelabuhan di Pelabuhan Klang menyukarkan urusan pelanggan dengan Kastam.
 - ii. FMFF mencadangkan proses pengikraran Kastam di Pelabuhan Klang iaitu Pelabuhan Utara, Pelabuhan Barat, Pelabuhan Selatan dan Zon Bebas dipusatkan di satu tempat sahaja.
- b. Mesyuarat bersetuju dengan usul FMFF dan perbincangan lanjut berkaitan *Standard Operating Procedure* baru (SOP) akan dibuat bersama-sama Pengarah Kastam Negeri Selangor.

TINDAKAN : PENGARAH BAHAGIAN PERKASTAMAN

5.5 CUSTOMS CLIENT CHARTER

- a. Mesyuarat mengambil maklum usul yang dikemukakan oleh ACCCIM bahawa:
 - i. Berlaku kelewatan dalam memproses dokumen Kastam yang tidak selaras dengan Piagam Pelanggan.
 - ii. ACCCIM mencadangkan pegawai Kastam yang baru bertugas perlu diselia oleh pegawai yang berpengalaman serta menjadi mentor atau penyelia kepada pegawai baru tersebut.
- b. Mesyuarat mengambil maklum penjelasan JKDM bahawa Program Pementoran sepetimana yang dicadangkan oleh pihak ACCCIM telah dilaksanakan dalam JKDM.

TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN

5.6 UPDATES OF CUSTOMS NEW SYSTEM – REPLACING SMK SYSTEM

- a. Mesyuarat mengambil maklum usul yang dikemukakan oleh ACCCIM bahawa:
 - i. JKDM tidak memaklumkan kepada pihak swasta mengenai perkembangan uCustoms.
 - ii. ACCCIM mencadangkan maklumat berkenaan uCustoms kepada pihak swasta perlu dikemaskini melalui siaran berkala atau Laman Web JKDM.
- b. Mesyuarat mengambil maklum tentang penjelasan JKDM bahawa :
 - i. JKDM sedang membuat pengurusan tender untuk pembangunan sistem uCustoms. Semua maklumat berkenaan uCustoms telah dimuatnaik dalam Laman Web Kastam.
 - ii. Pasukan uCustoms sering mendapat konsultansi dari pihak swasta melalui *Business Process Reengineering (BPR)* dan *Value Management Lab (VML)*.

UNTUK MAKLUMAN

5.7 UPDATES ON AMENDMENTS TO CUSTOMS POLICIES

- a. Mesyuarat mengambil maklum usul yang dikemukakan oleh ACCCIM bahawa:
 - i. Pihak pengilang berhadapan dengan masalah untuk mengetahui informasi terkini berkaitan perubahan polisi atau peraturan Kastam seperti perubahan kod tarif, peraturan cukai jualan dan larangan import serta eksport.
 - ii. FMM mencadangkan agar maklumat yang berkaitan dengan pihak swasta perlu dimuat naik dalam Laman Web Kastam dengan kadar segera.
- b. JKDM menjelaskan bahawa:
 - i. Kod tarif bagi *PVC sheet* telah dipinda berkuatkuasa pada 31 Oktober 2012 dimana tarikh kuatkuasaannya telah dikebelakangkan daripada tarikh yang telah diwartakan kerana terdapat kesilapan.
 - ii. JKDM akan memaklumkan perkembangan dari semasa ke semasa setiap perubahan peraturan atau kod tarif kepada pihak swasta.
 - iii. Pihak swasta boleh menghubungi Bahagian Perkhidmatan Teknik Ibu Pejabat jika memerlukan bantuan/khidmat nasihat berhubung kod tarif.

5.8 SERVICE TAX REFUND

- a. Mesyuarat mengambil maklum usul yang dikemukakan oleh MICCI berkenaan ketidakseragaman JKDM dalam memproses permohonan pulang balik Cukai Perkhidmatan.
- b. JKDM memaklumkan bahawa JKDM telah bersetuju permohonan yang telah dibuat oleh syarikat yang dibangkitkan sebelum ini oleh MICCI telah diproses.

TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN

- c. Surat arahan kepada JKDM Negeri akan dikeluarkan oleh Ibu Pejabat JKDM untuk menerangkan dan menyeragamkan prosedur memproses permohonan pulang-balik cukai perkhidmatan.

TINDAKAN : PENGARAH BAHAGIAN PERKHIDMATAN TEKNIK

5.9 VENDOR MAY APPLY FOR REFUND (SECTION 31 OF SALES TAX ACT, 1972)

- a. Mesyuarat mengambil maklum usul yang dikemukakan oleh CTIM bahawa:
- i. Dalam auditan JKDM, vendor berhadapan dengan masalah untuk memenuhi syarat JKDM yang meminta mereka mengemukakan dokumen Penyata Cukai Jualan milik pengilang berlesen (syarikat lain) bagi membuktikan cukai jualan telah dibayar oleh pengilang berlesen tersebut.
 - ii. CTIM mencadangkan supaya JKDM sendiri yang mendapatkan dokumen berkenaan kerana dokumen asal dipegang oleh pengilang berlesen (syarikat lain) dan bukan vendor.
- b. JKDM memaklumkan bahawa dokumen tambahan seperti Penyata Cukai Jualan adalah syarat tambahan yang dikenakan oleh JKDM Negeri dan bukan berdasarkan arahan Ibu Pejabat. Oleh itu vendor boleh mendapatkan kelonggaran apa-apa syarat dengan Pengarah Kastam Negeri yang berkaitan.

TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN

5.10 SALES TAX AND SERVICE TAX AUDITS

- a. Mesyuarat mengambil maklum usul yang dikemukakan oleh CTIM bahawa:
 - i. Tempoh 14 hari untuk menyediakan dokumen auditan 3 tahun dari tarikh audit menyukarkan pelesen. Pelesen juga tidak tahu bilakah auditan akan selesai dan boleh mendapatkan semula dokumen berkenaan.
 - ii. CTIM mencadangkan JKDM menyediakan Rangka Kerja Audit secara transparen supaya memudahkan pelesen membuat persediaan dan membantu kerja-kerja auditan JKDM.
- b. JKDM memaklumkan bahawa:
 - i. Pegawai Audit JKDM boleh meminta pelesen untuk memberi apa-apa dokumen tanpa waran.
 - ii. JKDM akan menyediakan Rangka Audit untuk panduan pelesen dan akan memuatnaik ke Laman Web Kastam.

TINDAKAN :PENGARAH BAHAGIAN PENGURUSAN PEMATUHAN

6. MEMBINCANGKAN HAL- HAL LAIN

6.1 PENYALAHGUNAAN SISTEM SMK OLEH PEGAWAI PENAKSIR

Mesyuarat mengambil maklum dakwaan AFAM bahawa terdapat sebahagian Pegawai Penaksir menyalahgunakan sistem SMK dengan cara ‘*block*’ dagangan dan ini telah mengganggu proses pelepasan dagangan.

TINDAKAN: MAKLUMAN

6.2 PEGAWAI PENAKSIR DAN PEGAWAI PENYELIA GAGAL MEMBUAT KEPUTUSAN APABILA DIPERLUKAN PELANGGAN

Mesyuarat mengambil maklum dakwaan AFAM bahawa terdapat sebahagian Pegawai Penaksir dan Pegawai Penyelia di Stesen KLIA dan Selangor tidak berani membuat keputusan apabila diperlukan oleh pelanggan.

TINDAKAN: MAKLUMAN

6.3 GAGAL MENJAWAB SURAT PELANGGAN

Mesyuarat mengambil maklum dakwaan AFAM bahawa terdapat surat yang dikemukakan kepada JKDM tidak dijawab.

TINDAKAN: MAKLUMAN

6.4 PENGELUARAN NOTIS TUNTUTAN (BOD) BERKAITAN ROYALTI

Mesyuarat mengambil maklum bahawa kes *Nike Sales Malaysia Sdn Bhd vs JKDM* yang berlangsung di Mahkamah sekarang tidak akan menghalang JKDM untuk mengeluarkan Notis Tuntutan (BOD) bagi kes berkaitan dengan royalti.

TINDAKAN : UNTUK MAKLUMAN

6.5 CARIAN KOD TARIFF MENGIKUT INDEKS

Mesyuarat bersetuju dengan cadangan CAPEC supaya carian klasifikasi kod tarif dalam Laman Web Kastam dibuat mengikut indeks bagi memudahkan carian.

TINDAKAN: CAWANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

6.6 TAHAN DAGANGAN OLEH UNIT CVI DI LUAR WAKTU PEJABAT

- a. Mesyuarat mengambil maklum dengan dakwaan FMFF bahawa insiden penahanan dagangan oleh Unit CVI di luar waktu pejabat melambatkan proses pelepasan dagangan kerana pegawai di Stesen / Negeri tidak berani membuat pelepasan tanpa kelulusan Unit CVI Ibu Pejabat yang hanya bertugas pada hari bekerja biasa dari jam 8 pagi hingga 5 petang.
- b. Mesyuarat membuat keputusan satu Mesyuarat Khas akan diadakan untuk menyelesaikan isu ini yang dipengerusikan oleh Dato' Haji Zainul Abidin bin Taib, Penolong Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan) dan dianggotai oleh Pengarah Kastam Negeri Selangor, Johor, KLIA dan Pulau Pinang bersama wakil AFAM dan FMFF.

TINDAKAN : PENOLONG KETUA PENGARAH KASTAM (PENGUATKUASAAN)

7. UCAPAN PENUTUP PENGERUSI BERSAMA

- 7.1 Encik S. Raja Kumaran, Pengerusi Bersama, berpendapat kebanyakan usul yang dibangkitkan berpunca daripada kekurangan komunikasi bersama pihak JKDM dengan pihak swasta.

- 7.2 Sehubungan itu beliau berharap kekangan komunikasi perlu dihapuskan agar proses urusan Kastam akan menjadi lebih efisen.
- 7.3 Beliau meminta Jabatan Kastam memuatnaik setiap Perintah Tetap Kastam dan surat-surat pentadbiran JKDM yang membabitkan urusan kedua-dua pihak ke dalam Laman Web Kastam untuk kebaikan bersama.

TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN

8. UCAPAN PENANGGUHAN PENGERUSI

- 8.1 Dato' Sri Penggerusi berpuas hati dengan perjalanan mesyuarat yang mencapai objektif.
- 8.2 Dato' Sri Penggerusi mengingkatkan warga JKDM perlu berusaha lebih keras dalam meningkatkan mutu perkhidmatan agar mencapai taraf dunia pada tahun 2015 serta memenuhi kehendak pelanggan.
- 8.3 Dato' Sri Penggerusi seterusnya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Panel kerana membolehkan mesyuarat berlangsung dengan baik dan harmoni.

TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN

9. PENANGGUHAN MESUARAT

- 9.1 Mesuarat ditangguhkan pada jam 1.20 petang.**
- 9.2 Tarikh dan tempat untuk Mesuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta Bil. 2/2013 akan ditentukan kemudian.**

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:

**SEKRETARIAT
MESYURAT PANEL PERUNDINGAN KASTAM -SWASTA BIL.1/2013
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
18 JULAI 2013**

LAMPIRAN I

SENARAI KEHADIRAN

A. PENGERUSI

1. YBhg. Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad
Ketua Pengarah Kastam Malaysia

B. PENGERUSI BERSAMA

1. Encik S. Raja Kumaran
Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI)

C. WAKIL JKDM

1. YBhg. Dato' Haji Zainul Abidin bin Taib
Penolong Ketua Pengarah Kastam
Bahagian Penguatkuasaan
2. Yang Arif Dato' Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman
Pengarah
Bahagian Perundangan
3. YBhg. Dato' Ahmad Nadzri bin Embong
Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
4. Puan Hajah Azizah binti Ibrahim
Pengarah Kastam
Bahagian Cukai Dalam Negeri
5. YBhg. Dato' Haji Md.Salleh bin Said
Pengarah Kastam
Bahagian Perkastaman

6. **YBhg. Dato' Ab.Hamid bin Salleh**
Pengarah Kastam
Bahagian Perancangan Korporat
7. **Tuan Paddy bin Abd.Halim**
Pengarah Kastam
Bahagian Pengurusan Pematuhan
8. **Tuan Mariappa Ramayah**
Pengarah Kastam
Bahagian Risikan
9. **Puan Rosinah binti Md.Murad**
Ketua Akauntan
Cawangan Akaun
10. **Puan Zaidah binti Mohd Noor**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Teknologi Maklumat
11. **Tuan Abd.Gani bin Othman**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Fasilitasi Perdagangan dan Perindustrian
12. **Tuan Saidi bin Ismail**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Import / Eksport dan Kawalan Sempadan
13. **Puan Amarjit Kaur Maktiar Singh**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Dasar & Perlaksanaan Cukai Dalam Negeri
14. **Puan Soria binti Osman**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan pengurusan Penjenisan ,Tarif & Gubalan

- 15. Puan Azimah binti Ab.Hamid**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Kawalan Kemudahan & Konsultasi Cukai Dalam Negeri
- 16. Tuan Awai bin Mamat**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Industri,Petroleum & Gas
- 17. Tuan Hj Wan Din bin Wan Hassan**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Perakaunan Hasil
- 18. Tuan Ong Guan Sai**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Pendakwaan
- 19. Tuan Mohd Sapian bin Hj Sanusi**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Pencegahan/Rampasan
- 20. Tuan Haji Liah bin Haji Omar**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Narkotik
- 21. YBhg.Dato'Mohamed bin Jaafar**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Pasca Import
- 22. Puan Norhaziah binti Abd.Wahab**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Hal Ehwal Antarabangsa
- 23. Tuan Tan Sim Kiat**
Timbalan Pengarah Kastam
Unit Tugas-Tugas Khas GST
- 24. Tuan Abdul Manan bin Mohamad**
Penolong Kanan Pengarah Kastam I
Cawangan Pengurusan Penilaian

25. **Tuan Rosli bin Mohamad**
Penolong Kanan Pengarah Kastam I
Cawangan Perhubungan Strategik

26. **Puan Rita Paul**
Penolong Kanan Pengarah Kastam II
Cawangan Teknologi Maklumat

D. WAKIL KEMENTERIAN KEWANGAN

27. **Encik Saiful Aznee bin Ab.Ghafar**
Bahagian Analisa Cukai

28. **Encik Nurul Fizaham**
Bahagian Analisa Cukai

29. **Puan Syuhada binti Yusof**
Bahagian Analisa Cukai

E. WAKIL PIHAK SWASTA

30. **Encik Michael Herdroff**
Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI)

31. **Encik Eyun Chew**
Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI)

32. **Encik Fairus Helmi**
Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI)

33. **Encik Senthilathiban Thirunilakantan**
Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI)

34. **Puan Wong Hin Wei**
Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI)

35. **Puan Hanita Ahmad**
Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI)

- 36. Dato' Tan Kwong Jin**
Federation of Malaysian Manufactures (FMM)
- 37. Cik Maygelah Siva**
Federation of Malaysian Manufactures (FMM)
- 38. Encik Thomas Selva Doss**
The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)
- 39. Cik Cheong Li Wei**
The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)
- 40. Encik Koh Siok Kiat**
Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)
- 41. Encik Lim Kok Seng**
Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)
- 42. Cik Nor Syahidatul Nadia Bidres**
Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)
- 43. Encik Johny Yong**
The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)
- 44. Encik Walter Culas**
Airfreight Forwarders Association of Malaysia (AFAM)
- 45. Encik Anuar Haji Ashari**
Airfreight Forwarders Association of Malaysia (AFAM)
- 46. Encik Saif Harshah**
Airfreight Forwarders Association of Malaysia (AFAM)
- 47. Encik Zainal Abidin**
Airfreight Forwarders Association of Malaysia (AFAM)
- 48. Dato' Dr.A.M.Vijay**
Federation of Malaysia Freight Forwarders (FMFF)

- 49. Encik Alvin Chua**
Federation of Malaysia Freight Forwarders (FMFF)
- 50. Encik Toon Teng Fatt**
Federation of Malaysia Freight Forwarders (FMFF)
- 51. Encik Tony Chia**
Federation of Malaysia Freight Forwarders (FMFF)
- 52. Encik Ali Ahmad**
Federation of Malaysia Freight Forwarders FMFF)
- 53. Cik Jessica Ho**
Conference of Asia-Pacific Express Carriers (CAPEC)
- 54. Encik Cheok Siow Lung**
Conference of Asia-Pacific Express Carriers (CAPEC)
- 55. Puan Nazaina Nasir**
Conference of Asia-Pacific Express Carriers (CAPEC)
- 56. Puan Jacuil Lekre**
Conference of Asia-Pacific Express Carriers (CAPEC)
- 57. Encik Shaiful Bahri**
Conference of Asia-Pacific Express Carriers (CAPEC)
- 58. Encik Loo Che Hee**
The Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia (ACCCIM)
- 59. Encik Lau Haw Chong**
Malaysian Association of Company Secretaries (MACS)
- 60. Encik Mohd Salimi bin Ahamad**
Malaysian Association of Company Secretaries (MACS)
- 61. Encik Haji Osman bin Ujang**
Malaysian Association of Company Secretaries (MACS)
- 62. Puan Azlina Zakaria**
Malaysian Institute of Accountants (MIA)

- 63. Cik Yeong Hoon Li**
Malaysian Institute of Accountants (MIA)
- 64. Encik V.Muthiah**
Central Region Shipping Association (CRSA)
- 65. Encik K.Segaran**
Central Region Shipping Association (CRSA)
- 66. Puan Nor Parifah Hanum binti Mohd Noor**
Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM)

F. SEKRETARIAT

- 67. Tuan Aidid Tajuddin**
Penolong Kanan Pengarah Kastam I
Cawangan Perhubungan Awam
- 68. Puan Kohila Rajaram**
Penguasa Kastam
Cawangan Perhubungan Awam
- 69. Puan Suhaliza Mohd Mokhtar**
Pegawai Kastam
Cawangan Perhubungan Awam
- 70. Cik Nor Ermaliza Ismail**
Pegawai Kastam
Cawangan Perhubungan Awam